



PEKELILING PENDAFTAR BIL. 1/2003

Kepada
Semua Dekan/Ketua Jabatan/
Unit/Pusat/Bahagian
Universiti Malaysia Sabah

Y.Bhg. Dato'/Datin/Profesor/Tuan/Puan;

WAKTU REHAT UNTUK MINUM PAGI SEMASA WAKTU PEJABAT

1.0 Tujuan

1.1 Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan mengenai pelaksanaan peraturan mengenai waktu rehat untuk minum pagi semasa waktu pejabat di Universiti Malaysia Sabah. Perlaksanaannya berkuatkuasa serta merta untuk diaplikasikan kepada semua kakitangan jabatan.

2.0 Latar Belakang

2.1 Selama ini semua kakitangan sedia maklum bahawa waktu rehat bagi kakitangan Universiti Malaysia Sabah adalah jam 10.00 pagi iaitu selama 30 minit sahaja bagi setiap waktu rehat. Walaubagaimanapun sejak kebelakangan ini kakitangan mengambil lewa peraturan ini sehingga mengakibatkan pejabat seringkali ditinggalkan kosong pada jangka waktu yang lama ataupun panggilan telefon tidak berjawab.

2.2 Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan dan Pentadbiran Universiti yang Ke-9 yang telah bersidang pada 23 Disember 2002, telah bersetuju agar peraturan-peraturan waktu rehat minum pagi dan petang dikuatkuasakan untuk meningkatkan mutu kerja dan disiplin kakitangan semasa bertugas.

3.0 WAKTU BEKERJA DI PEJABAT

3.1 Waktu bekerja pejabat rasmi bagi semua kakitangan Universiti Malaysia Sabah.

Hari Bekerja Penuh	8.00 am hingga 1.00 pm
(Isnin -Jumaat)	2.00 pm hingga 4.30 pm

Hari Sabtu	8.00 am hingga 12.50 pm
------------	-------------------------

3.2 Pada hari-hari bekerja penuh selain daripada hari Jumaat, waktu rehat untuk makan tengahari ialah 1.00 petang hingga 2.00 petang.

3.3 Pada hari jumaat, waktu rehat untuk makan tengahari ialah 11.30 pagi hingga 2.00 petang.

4.0 **WAKTU REHAT PAGI**

4.1 Waktu rehat atau masa minum teh pagi, dihadkan kepada 30 minit sahaja bagi setiap kakitangan. Masa rehat ini adalah keistimewaan yang tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan dan kebenaran Ketua Jabatan masing-masing. Ketua Jabatan hendaklah memastikan kakitangan bawahannya mematuhi had tersebut secara bergilir-gilir di antara waktu 10.00 pagi sehingga 11.00 pagi.

4.2 Waktu rehat petang adalah tidak dibenarkan.

5.0 **HARI SABTU BEKERJA**

5.1 Masa rehat disebelah pagi tidak dibenarkan kerana waktu bekerja yang singkat.

6.0 **TARIKH BERKUATKUASA**

Pekeliling ini hendaklah berkuatkuasa mulai daripada 1 Januari 2003.

Setiap Dekan, Ketua Jabatan/Bahagian dan Unit adalah bertanggungjawab menentukan peraturan-peraturan ini dipatuhi.

"BERTEKAD CEMERLANG"

Sekian, Terima Kasih


HELA LADIN BIN MOHD DAHALAN
Pendaftar

s.k Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik)
Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan)